

# Kakitangan akademik OKU pertama di UMS

DE 03.03.2012 7

KOTA KINABALU: Sejarah tercipta bagi Universiti Malaysia Sabah (UMS) apabila julung kalinya seorang pensyarah golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) mendaftar sebagai kakitangan di universiti itu pada Rabu.

Prof. Madya Dr. A. Rahman Tang Abdullah (**gambar**) yang berasal daripada Muar, Johor akan bertugas di Sekolah Sains Sosial UMS.

Beliau yang mempunyai masalah dalam penglihatan berkata beliau berterima kasih atas tawaran yang diberikan tanpa mengira kekurangannya selain diberi peluang untuk meneruskan karier di universiti yang berprestij negeri ini.

"Tawaran ini membolehkan saya untuk meneruskan cita-cita dalam menabur bakti kepada



tarikan di luar jangkaannya.

Mengenai kedudukan golongan OKU di negara ini, katanya, semua golongan yang senasib dengannya perlu sentiasa peka dan proaktif mengikut

nusa dan bangsa. Ia juga bertepatan dengan keinginan saya untuk menambah pengetahuan dan membuat penyelidikan mengenai sejarah di Kepulauan Borneo khususnya di Sabah dan Sarawak," ujarnya yang mempunyai kepakaran dalam bidang sejarah Malaysia.

Tambahan, walaupun baru pertama kali menjejakkan kaki di negeri di Bawah Bayu, beliau sangat tertarik dengan negeri ini yang disifatkan sebagai negeri yang dinamik dan mempunyai pelbagai

peredaran arus perdana.

Bagaimanpun, beliau tidak menafikan bahawa golongan OKU ini juga turut memerlukan perhatian daripada masyarakat setempat.

"Kami sangat memerlukan empati daripada orang ramai agar mereka faham mengenai keadaan kami. Itulah yang sebenarnya kami inginkan dan bukannya perasaan simpati terhadap kekurangan yang dimiliki," katanya yang sebelum ini bertugas selama 18 tahun di Universiti Antarabangsa Malaysia (UIA).

Prof. Madya Dr. A Rahman memulakan kariernya sebagai tutor di Universiti Malaya pada 1992. Setahun kemudian, beliau bertugas sebagai pensyarah di UIA sebelum melanjutkan kariernya di UMS pada tahun ini.

Beliau berkelulusan Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di School of Oriental and African Studies (SOAS), Universiti London.